



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER
ASLI**

SEMPENA

**SIMPOSIUM PERHUTANAN
*MANGROVES: FUTURE THREATS AND
SOLUTIONS***

**HOTEL PULSE GRANDE, PUTRAJAYA
8 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanawataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Simposium Perhutanan ‘Mangroves: Future Threats and Solutions’** anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

2. Simposium ini dianjurkan bersempena dengan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut pada 26 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat awam tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut. Justeru,

saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada JPSM atas penganjuran simposium ini serta mengalu-alukan kehadiran semua peserta ke program ini.

3. Sesungguhnya simposium seumpama ini merupakan satu platform yang amat baik bagi semua rakan strategik untuk berkongsi idea dan strategi terbaik untuk menambah baik pengurusan hutan paya laut di negara kita. Dalam hubungan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua ahli panel dan peserta yang terlibat

dalam sesi pembentangan dan sesi perbincangan nanti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Hutan paya laut merupakan salah satu daripada kelas dirian hutan utama di Malaysia yang amat penting untuk dipelihara dan dilindungi. Peranan yang dimainkan oleh hutan paya laut amatlah besar, baik dari segi perkhidmatan ekosistem, penyimpanan karbon dan mitigasi perubahan iklim, serta sosioekonomi masyarakat setempat.

5. Walau bagaimanapun, ancaman terhadap hutan paya laut adalah jauh lebih besar daripada ekosistem hutan lain. Menurut laporan *The State of World's Mangrove 2021* yang diterbitkan oleh Global Mangrove Alliance, dunia telah kehilangan 4.3% hutan paya laut dalam tempoh 20 tahun sebelum tahun 2016, dan majoriti kehilangan hutan paya laut berlaku di kawasan Asia Tenggara. Di Malaysia, 80% daripada kehilangan hutan paya laut dilaporkan berpunca daripada perbuatan manusia.

6. Namun, laporan tersebut ada juga menyatakan bahawa **kadar kehilangan hutan paya laut di seluruh dunia telah mula perlahan**. Saya percaya sedikit sebanyak pengurangan kadar kehilangan hutan paya laut dunia ini disumbangkan oleh kita semua yang berada di sini pada hari ini yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pada masa ini, **Malaysia mempunyai kawasan hutan paya laut seluas 629,038**

hektar, iaitu 3.44% daripada keluasan kawasan berhutan di seluruh Malaysia. Berdasarkan Mangrove Guidebook Southeast Asia pula, Malaysia mempunyai kepelbagaian spesies flora bakau yang tinggi iaitu sebanyak 42 daripada 52 spesies pokok bakau yang terdapat di Asia Tenggara telah dicatatkan di Malaysia.

8. Semenjak **Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara** diperkenalkan pada tahun 2005, seluas 3,241 hektar kawasan pesisiran pantai negara telah ditanam dengan kira-kira 7.1

juta pokok bakau dan spesies-spesies lain yang sesuai. Walaupun tempoh program ini telah melangkaui 17 tahun, boleh dikatakan bahawa program ini telah berupaya memulihkan sebahagian kawasan pesisiran pantai dan hutan paya laut yang kritikal. Namun, kita masih belum boleh merasa selesa kerana secara realitinya, masih terdapat lagi kawasan-kawasan pesisiran pantai dan hutan paya laut yang sentiasa menerima ancaman secara berterusan dan masih belum dapat dipulihkan secara konsisten atau sepenuhnya.

9. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, aspek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut terus diberikan perhatian dan diperkukuhkan menerusi **Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2)** yang dilancarkan pada 14 Jun 2022. RFZPPN-2 menggariskan panduan, tindakan perancangan strategik dan halatuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber jaya pesisiran pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. RFZPPN-2 ini turut mengambil kira keperluan dan kepentingan untuk memelihara dan memulihara kawasan yang mempunyai biodiversiti tinggi seperti

hutan paya laut dan dataran rumput laut di sepanjang pesisiran pantai negara dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sebarang isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan hutan paya laut di negara ini perlu ditangani bagi memastikan ekosistem yang amat penting kepada kita semua dapat terus dipelihara dan dipulihara daripada pupus buat selama-lamanya. Bersesuaian dengan tema simposium kita hari ini, semua ancaman dan cabaran perlu dikenal pasti serta dikemas kini mengikut

perkembangan semasa dan negara perlu bersiap-siaga dengan pendekatan yang terbaik dalam menangani ancaman ini pada bila-bila masa pada masa hadapan.

11. Melalui penganjuran simposium seumpama ini, semua peserta akan berpeluang untuk mendengar dan mempertingkatkan pengetahuan masing-masing berkenaan perkembangan terkini, isu serta cabaran dalam pengurusan kawasan hutan paya laut melalui pembentangan daripada panel-panel dan pembentang yang dibawakan khas untuk program ini. Selain itu, penganjuran simposium ini juga merupakan

sebahagian daripada aktiviti untuk memperkukuhkan kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebahagian kawasan pesisiran pantai di negara ini mempunyai risiko hakisan yang kritikal dan untuk itu aktiviti penanaman dan pemeliharaan di kawasan pesisiran pantai memerlukan penglibatan dan kerjasama strategik yang lebih menyeluruh dari pelbagai pihak termasuk daripada jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan. JPSM telah

bekerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) sejak tahun 2012 dalam membangunkan **Sistem Pengurusan Maklumat Pesisiran Pantai Negara** atau lebih dikenali sebagai “**e-Pesisir**”.

13. Saya difahamkan bahawa usaha-usaha penambahbaikan sistem e-Pesisir telah dilaksanakan oleh pihak MYSA bagi membantu Kerajaan dalam merekodkan maklumat-maklumat penting serta memantau pelaksanaan program ini dengan lebih efisien dan berkesan pada masa akan datang. Justeru, pada hari ini sistem e-Pesisir versi baharu yang telah ditambah baik

dengan penambahan modul-modul lain akan didedahkan kepada semua pihak dan saya berharap agar sistem yang telah dibangunkan oleh pihak MYSA ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak, bukan sahaja kepada jabatan/agensi kerajaan yang terlibat malah kepada pihak NGO, komuniti dan orang awam juga.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru kepada semua peserta yang hadir pada hari ini untuk terlibat secara aktif dengan menyumbangkan idea dan

pandangan masing-masing agar penambahbaikan kepada Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

15. Saya juga ingin menggalakkan wakil-wakil NGO, institusi penyelidikan, IPT dan komuniti yang hadir untuk sama-sama terlibat secara aktif dalam sesi perbincangan yang dijadualkan pada sebelah petang supaya satu pendekatan atau usaha bersepadu dapat diwujudkan pada semua peringkat bagi memastikan kawasan pesisiran pantai

negara akan dapat terus dipelihara dan dipulihara menerusi tindakan-tindakan yang sewajarnya.

16. Dengan lafaz Bismillahiramanirahim, saya merasmikan **Simposium Perhutanan ‘Mangroves: Future Threats and Solutions’** pada hari ini.

Sekian, wabillahitaufik al hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

**Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya.**

8 September 2022